

26 JUL 1999

Mahathir-Lawatan

DR MAHATHIR LAWAT SARAWAK PADA 5 OGOS

KUCHING, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Sarawak mulai 5 Ogos.

Jurucakap di pejabat Ketua Menteri hari ini berkata Dr Mahathir dijadual tiba di Lapangan terbang Miri pada pukul 10 pagi, 5 Ogos dan akan diberikan sambutan penuh warna-warni mengikut tradisi Sarawak.

Beliau kemudian akan mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional Sarawak sebelum menghadiri jamuan makan tengah hari semua kaum di situ.

Pada sebelah petang Perdana Menteri dijadual merasmikan Jambatan Tudan serentak dengan acara perasmian Bandar Baru Permai Jaya yang terletak kira-kira 16 kilometer dari pusat bandar Miri.

Pada sebelah malam Dr Mahathir akan mengadakan Perhimpunan Bersama Rakyat di Miri City Fan - taman rekreasi yang sangat popular di bandar minyak, di utara negeri ini.

Pada hari kedua lawatannya, Dr Mahathir dijadual berlepas dari Miri ke Lapangan Terbang Sibu dan dari situ menaiki helikopter ke Betong.

Beliau akan merasmikan Sekolah Menengah Teknik Betong dan selepas itu menunaikan sembahyang Jumaat bersama umat Islam di Masjid Jamek Betong.

Perdana Menteri akan menghadiri jamuan makan tengah hari semua kaum di pejabat daerah Betong sebelum berlepas ke Lapangan terbang Sibu untuk pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

MT RON